

# Carrefour diberi hingga Jumaat buat keputusan

U.M 29/04/08 M/S 27

PETALING JAYA 28 April - Pemaju pasar raya besar Carrefour di Kota Damansara telah diminta menghentikan kerja-kerja pembinaan sehingga rundingan mengenai isu bantahan penduduk sekitar terhadap pembinaan pasar raya itu diselesaikan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Ronnie Liew berkata, pihak pemaju diberikan masa sehingga Jumaat ini untuk mempertimbangkan perkara itu dan memaklumkan kepada beliau mengenai keputusan mereka.

"Permintaan ini adalah kerana kerajaan negeri mengamalkan sikap mahukan sesuatu isu itu seboleh-bolehnya diselesaikan di meja perundingan.

"Kita tidak boleh menghalang penduduk membawa isu ini ke mahkamah kerana itu hak mereka tetapi kita tidak menggalakkan," katanya sewaktu mempengerusikan mesyuarat untuk membincangkan isu pembinaan pasar raya besar Carrefour di Jalan Kenyalang 11/1, Seksyen 11, Kota Damansara dekat sini.

Mesyuarat itu, yang diadakan di bangunan ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut dihadiri oleh Datuk

Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohamad Roslan Sakiman, wakil Carrefour, penduduk-penduduk sekitar tapak pasar raya itu serta peguam mereka, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Damansara, Dr. Mohd. Nasir Hashim dan wakil Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Ronnie berkata, kerajaan negeri tidak mahu dilihat sebagai tidak mematuhi perjanjian walaupun kelulusan mendirikan pasar raya itu diberikan oleh kerajaan sebelum ini.

"Sebarang perjanjian yang dibuat oleh kerajaan terdahulu perlu dihormati, kecuali jika terdapat sesuatu yang tidak betul.

"Namun, kami minta penduduk bersabar, jangan ambil tindakan mahkamah dahulu. Kita berikan pengurusan Carrefour sehingga Jumaat ini untuk mereka mempertimbangkan tindakan menghentikan terus kerja-kerja pembinaan," katanya.

Beliau berkata, pengurusan Carrefour harus mempertimbangkan fakta bahawa jika penduduk membawa bantahan mereka ke mahkamah dan menang, maka mereka (Carrefour) akan menanggung kerugian yang lebih besar.

Pada 14 April lalu, penduduk-penduduk

yang terdiri daripada Gabungan Persatuan-Persatuan Penduduk D'Villa Avenue, D'Villa Botany, Gugusan Dedap, Bayu Damansara, Damansara Emas dan Seri Utama, Seksyen 5 yang terletak berdekatan tapak Carrefour baru itu telah mengadakan tunjuk perasaan bagi membantah pembinaannya.

Tunjuk perasaan itu turut disertai oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Seksyen 11 dan Friends of Damansara, sebuah pertubuhan bukan kerajaan berkaitan pemuliharaan alam sekitar.

Turut hadir memberikan sokongan kepada gabungan penunjuk perasaan itu ialah Mohd. Nasir sendiri.

Sementara itu, mesyuarat hari ini berlangsung dengan tenang tetapi sekali-sekali bertukar panas apabila wakil-wakil penduduk mempertikaikan kewajaran PKNS menyokong pembinaan pasar raya itu.

Menurut wakil PKNS, dari segi perancangan bandar, penduduk dan pihak sekolah tidak perlu risau dengan kehadiran pasar raya itu kerana ia akan menjadikan kawasan itu lebih bersih dan tersusun berbanding jika dibina 30 unit rumah kedai seperti dalam perancangan asal.

"Selain itu, Carrefour mempunyai pegawai keselamatan yang membolehkan pemantauan dibuat terhadap para pelajar sekolah jika mereka merayau-rayau di sana.

"Mengikuti perancangan bandar juga, jalan di situ bukannya jalan mati dan ia merupakan antara sebab itu kami menyokong pembinaan Carrefour di situ," kata wakil PKNS itu.

Bagaimanapun, wakil-wakil penduduk berkata, PKNS telah gagal menilai keadaan persekitaran yang menurut mereka tidak sesuai termasuk kehadiran sebuah sekolah berhampiran tapak pasar raya itu.

Pegua yang mewakili penduduk, Derek Fernandes berkata, pemaju telah gagal mengambil kira kesan pembangunan dan juga kesan sosial terhadap kawasan sekitar dengan kehadiran Carrefour itu nanti.

Ronnie seterusnya berkata, selain meminta pandangan daripada penasihat undang-undang negeri, beliau juga akan membawa perkara itu ke mesyuarat Exco.

Beliau juga mengingatkan bahawa arahan MBPJ supaya kerja-kerja melebihi masa dihentikan seperti yang dikeluarkan pada 24 April lalu kekal dan perlu dipatuhi.